

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[ TANJONG MANIS - BN ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 44)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk melobi badan sukan antarabangsa seperti FIFA dan badan sukan Olimpik agar mengambil kira kalender Islam (iaitu bulan Ramadan, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji) agar tidak bertindih dengan acara sukan dunia memandangkan semakin ramai atlet beragama Islam yang menyertai sukan bertaraf dunia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya pihak Kementerian mempunyai ruang untuk menyuarakan pendapat dengan menggunakan saluran tertentu terutamanya melalui Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Pihak MOM pula akan menyalurkan cadangan yang berkenaan untuk dibincangkan melalui jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam Badan-badan Sukan Antarabangsa seperti *International Olympic Committee (IOC)*, *Commonwealth Games Federation (CGF)*, *Olympic Council of Asia (OCA)* dan *Southeast Asia Games Federation (SEAGF)* mengikut temasya di bawah seliaan masing-masing. Cadangan tersebut seterusnya akan dibincangkan bersama jawatankuasa yang melibatkan pengundian oleh semua negara ahli Badan-badan Sukan Antarabangsa yang berkaitan.
  
2. Sebagai makluman, perkara ini telahpun dibangkitkan sebelum ini oleh beberapa pihak di peringkat antarabangsa. Namun begitu pihak badan dunia sukan berkenaan sukar untuk meminda mana-mana jadual yang telah dikeluarkan kerana melibatkan banyak negara. Bagi kerajaan Malaysia kita sentiasa bekerjasama dengan Majlis Olimpik Malaysia bagi menyalurkan pandangan mengenai pengelolaan mana-mana temasya sukan peringkat dunia yang dikelolakan sewaktu bulan ramadhan ataupun jatuh pada hari-hari perayaan Agama Islam. Majlis Olimpik Malaysia juga mempunyai hubungan dan kerjasama yang rapat dengan *Islamic Solidarity*

**SULIT**

*Sport Federation (ISSF)* bagi menyalurkan maklumat berkaitan bagi mendapat sokongan daripada Negara-negara Islam.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN  
KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN  
BIN YAAKUB  
(MACHANG)**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : 45**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan:

- (a) apakah pelan tindakan yang telah dirangka untuk menaik taraf prasarana kampung yang masih dalam keadaan uzur supaya taraf kehidupan masyarakat luar bandar dan bandar tidak terlalu tinggi jurang perbezaannya; dan

(b) adakah Kementerian meneliti secara serius terhadap taraf hidup dan pembangunan masyarakat luar bandar kerana masih ada kawasan yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air bersih.

## **Jawapan**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian telah dan sedang melaksanakan program ameniti sosial bagi melengkapkan kampung-kampung dengan kemudahan seperti balai raya dan kawasan sukan. Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KEJORA, KESEDAR, KETENGAH dan KEDA, turut melaksanakan program menyediakan kemudahan di bandar-bandar baharu di kawasan operasi mereka.

Di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) iaitu NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, Kementerian masih meneruskan inisiatif penyediaan infrastruktur asas terutamanya di kawasan yang masih belum menerima kemudahan tersebut. Selain itu, Kementerian juga diberi tanggung jawab untuk melaksanakan inisiatif baru iaitu:

- (i) Program Desa Lestari iaitu pendekatan pembangunan dan pemajuan ekonomi kampung melalui koperasi; dan
- (ii) *Rural Business Challenge* (RBC) iaitu program pencarian usahawan sedia ada untuk mengembangkan perniagaan serta keupayaan mereka untuk mewujudkan usahawan baru dan pencarian idea perniagaan di kalangan belia untuk memajukan perniagaan di luar bandar.

Matlamat pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini adalah untuk menggalakkan golongan belia kekal di kampung bagi membangunkan kampung-kampung yang mempunyai potensi atau sumber-sumber yang tersendiri dan unik yang boleh dibangunkan menjadi perniagaan luar bandar yang mampan.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi memastikan kawasan luar bandar menerima perkhidmatan setaraf dengan bandar, Program Transformasi Luar Bandar atau RTP telah dilaksanakan sejak tahun 2012 bagi memastikan kawasan luar bandar ditransformasikan supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat.

Di bawah RTP, Kementerian diberi tanggung jawab diberi tanggung jawab untuk mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) serta Pusat Transformasi Luar Bandar Mini (Mini RTC) yang berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar melalui 8 inisiatif iaitu:

- (i) Latihan Kemahiran;
- (ii) Kios Informasi 1Malaysia;
- (iii) Pertanian Bernilai Tinggi;

- (iv) Pemprosesan Produk Agro Makanan;
- (v) Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Pertanian;
- (vi) Kerjasama Universiti;
- (vii) Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia; dan
- (viii) Kemudahan              Pembiayaan              Kewangan.